BH ONLINE

MSM mahu jadikan kilang di Tanjung Langsat pusat eksport gula

Oleh BERNAMA - Mac 20, 2025 @ 10:31am

Syed Feiza (kiri) menunjukkan produk keluaran MSM dalam satu temu bual bersama Bernama di Kuala Lumpur - Foto ihsan BERNAMA

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd, pengeluar gula bertapis utama negara merancang menjadikan kilangnya di Tanjung Langsat, Johor sebagai pusat eksport dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata sasaran itu diletakkan sejajar dengan usaha syarikat meningkatkan faktor penggunaan kilang terbabit kepada 80 peratus daripada kira-kira 50 peratus ketika ini.

Beliau berkata, kilang di Tanjung Langsat itu yang beroperasi sejak 2018 sedang dalam proses meningkatkan kecekapan proses pengilangan dan tahap pengeluaran agar setanding dengan kilang pertama syarikat di Perai, Pulau Pinang.

"Kilang MSM di Perai mampu menghasilkan kadar pengeluaran sehingga 97 peratus berbanding kilang di Tanjung Langsat yang mencapai 94 hingga 95 peratus.

"Walaupun perbezaan ini kecil, setiap peratusan adalah keuntungan, dan kami menetapkan sasaran untuk mencapai 97 peratus," katanya kepada Bernama.

Sementara itu, Syed Feizal berkata produk syarikat kini dieksport ke 22 negara dengan kira-kira 20 peratus daripada hasil eksport menyumbang kepada pendapatan syarikat.

Menurutnya, MSM kini merancang memperluaskan pasaran ke Asia Barat dan Afrika bagi memanfaatkan peningkatan penggunaan gula di rantau berkenaan.

"Ketika ini terdapat defisit gula global. Kami melihat Asia Barat dan Afrika sebagai pasaran pertumbuhan tinggi kerana penggunaan perkapita (di rantau itu) meningkat mendadak.

"Walaupun terdapat kilang di rantau itu, pengeluaran sedia ada tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan, justeru MSM kini merangka strategi memasuki pasaran ini," katanya.

Mengenai sumber bahan mentah, Syed Feizal berkata MSM masih bergantung sepenuhnya kepada import tebu dari Thailand, Brazil dan India dan sedang mengkaji mengkaji potensi 'palm sugar' (gula melaka) daripada sumber seperti kelapa dan nipah sebagai sumber alternatif.

"Pengeluaran 'palm sugar' ini mungkin bukan berskala besar, tetapi Insya-Allah dapat memenuhi cita rasa pengguna yang gemar kepada jenis gula ini," katanya.

Bagi usaha meningkatkan keterjaminan makanan negara dan mengatasi risiko harga pasaran dunia, beliau berkata pihaknya sedang mengkaji untuk kembali mengusahakan perladangan tebu

"MSM pernah mengusahakan seluas kira-kira 4,000 hektar ladang tebu di Chuping, Perlis sejak 1970-an namun operasinya dihentikan kerana skala itu tidak ekonomik," katanya.

Beliau berkata, syarikat kini sedang meninjau lokasi baharu di Sarawak dan negeri-negeri di utara Semenanjung untuk mengkaji semula perladangan tebu dalam skala lebih besar bagi memenuhi keperluan industri.

***

HEADLINE	MSM mahu jadikan kilang di Tanjung Langsat pusat eksport gula
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	20 March 2025, 10:31am
BY	-
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/03/1374643/msm-mahu-jadikan-kilang-di-tanjung-langsat-pusat-eksport-gula